

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1985/86

HGF 323 - Kajiklim

(Dalam Kampus)

Tarikh: 17 April 1986

Masa: 2.15 ptg. - 5.15 ptg.
(3 jam)

Jawab EMPAT(4) soalan sahaja. DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Terangkan secara terperinci pola-pola taburan bahangan sedunia. Bincangkan bagaimana sistem bumi-atmosfera mencapai satu keseimbangan taburan tenaga bahangan.
2. Bincangkan teori-teori kerpasan yang telah dibentangkan dalam menjelaskan proses pembentukan kerpasan.
3. Tulis nota-nota ringkas bagi tiga(3) daripada yang berikut:
 - (a) Daya Putaran 'Centripetal'
 - (b) Jasad Hitam
 - (c) Hukum Wien dan Hukum Planck
 - (d) Angin Geostropik
 - (e) Albedo
4. SAMA ADA
 - (a) Terangkan pola taburan tekanan dan angin pada skil dunia.

.../2

ATAU

- (b) Beri satu ulasan lengkap tentang sistem-sistem pengkelasan iklim Koppen dan Thornthwaite.

BAHAGIAN B

5. "Agrometeorologi merupakan satu bidang kajian yang cuba mengaitkan beberapa parameter cuaca dan iklim dengan semua peringkat perkembangan dan pertumbuhan tanaman di mana faktor bahangan suria paling nyata kesannya".

Merujuk kepada kenyataan di atas, bincangkan pengaruh bahangan suria terhadap tumbesaran tanaman dengan berasaskan kepada pembahagian spektrum elektromagnetik.

6. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu bincangkan bagaimana beberapa unsur cuaca dan iklim yang berlainan telah mempengaruhi seni bina rumah dan bangunan.

7. SAMA ADA

- (a) Bincangkan bagaimana manusia telah mempengaruhi iklim di kawasan bandar-bandar besar dunia. Gunakan contoh-contoh tempatan dan luar negeri untuk memperkuatkan perbincangan anda.

ATAU

- (b) Apakah yang difahamkan dengan istilah 'Pulau Haba Bandar'? Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, jelaskan mengapa fenomena ini berlaku.
8. Apakah yang dimaksudkan dengan 'Pencemaran Udara'? Bincangkan secara terperinci bagaimana pencemaran udara telah mempengaruhi cuaca dan iklim setempat.

-ooo000ooo-